

Konsep Pertandingan dan Hadiah Di Dalam Islam

Ashraf Md. Hashim

Abstract

This article attempts to analyse the relationship between competitions, awards and gambling. Briefly, competitions without awards are allowed as long as they do not violate any Islamic principles. While in general, competitions with awards are also allowed on condition that they fulfil certain criteria. However, this will depend on the source of the sponsorship of the award. Competitions with awards are allowed when the source of those awards come from the input of non-participants. However, if they are collected from participants themselves, certain guidelines should be followed in order to avoid gambling.

Mukaddimah

Dewasa ini, permainan bukan hanya dilihat sebagai hobi bagi memenuhi masa lapang atau untuk menyihatkan badan sahaja, malahan ianya telah dilihat sebagai suatu industri yang boleh membawa keuntungan dan mereka yang bertanding pula dianugerahkan dengan hadiah-hadiah yang lumayan. Pembiayaan bagi hadiah ini pula datangnya dari sumber yang pelbagai, ada yang ditaja oleh pihak-pihak tertentu dan

ada pula yang dikumpulkan dari “wang penyertaan” para peserta itu sendiri. Di dalam hal ini, tidak dapat dinafikan bahawa terdapatnya unsur-unsur perjudian apabila seseorang itu terpaksa mempertaruhkan wangnya di dalam sesuatu pertandingan yang disertai. Apabila ia kalah ia akan kehilangan wangnya dan apabila menang ia akan mengaut wang penyertaan peserta-peserta lain sebagai hadiah.

Persoalan pokok yang cuba ditangani oleh kajian ini adalah untuk mencari status hukum bagi pertandingan seumpama ini, sama ada ianya dibenarkan atau sebaliknya, dan jika diharuskan apakah garis panduan yang perlu dipatuhi supaya unsur-unsur perjudian dapat dihindarkan.

1. Takrif

1.1 Takrif Pertandingan

Pertandingan di dalam bahasa Arab disebut sebagai “*al-musābaqah*” atau “*al-sabaq*” yang bererti maju ke hadapan di dalam (perlumbaan) larian dan di dalam perkara-perkara yang lain. Manakala “*al-sabaq*” pula membawa maksud sesuatu yang menjadi rebutan dalam pertandingan.¹

Perkataan “*al-musābaqah*” dan beberapa perkataan lain yang ada kaitannya di atas membawa makna yang sama dengan perkataan “pertandingan” di dalam bahasa Melayu. Pertandingan diertikan sebagai perihal bertanding, perlawanan (seperti bola dan sebagainya), perlumbaan (seperti berlari, berenang dan lain-lain) dan peraduan (seperti menembak dan seumpamanya).²

Daripada takrif di atas, dapat disimpulkan bahawa pertandingan di dalam skopnya yang luas meliputi apa jua perlawanan yang melibatkan kekuatan mental, fizikal dan juga kemahiran. Kekuatan ini pula mungkin datang dari manusia, haiwan, mesin atau gabungan antara elemen-elemen tersebut.

1.2 Takrif dan Konsep Perjudian

Para fuqaha bersepakat bahawa perjudian adalah haram di dalam Islam berasaskan kepada firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ
فَاجْتَبَوْهُ لَعْلَكُمْ تُفْلِحُونَ (٩٠) إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمُ الْعَذَابَ وَالْبُغْضَاءَ
فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصْدَكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهُلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ (٩١)

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan. Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) khamar dan berjudi itu dan menghalangi kamu dari mengingati Allah dan sembahyang, maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu).”³

Selain dari perkataan “al-maysir” sebagaimana yang digunakan di dalam ayat di atas, perjudian di dalam bahasa Arab juga disebut sebagai “al-qimār.” Al-Qal‘ajī mentakrifkannya sebagai setiap permainan yang di dalamnya disyaratkan bahawa pemenang akan mengaut (pertaruhan) dari yang kalah.⁴ Ibn Manzūr menyatakan bahawa *qāmara* adalah sama dengan *rāhana*,⁵ dan salah satu makna *al-murāhanah* ialah *al-mukhāṭarah* iaitu pengambilan risiko.⁶ Ibn Fāris pula menyatakan bahawa *al-muqāmir* (orang yang berjudi) akan mendapat pertambahan harta atau pengurangan. Ianya (pertaruhan) tidak akan kekal tanpa berlakunya perubahan.⁷

Para fuqaha tidak memberikan definisi yang langsung dan jelas mengenai perjudian. Namun, apabila diteliti penulisan mereka, dapat disimpulkan bahawa ciri utama perjudian adalah seperti berikut:⁸

- a) Apabila adanya pertaruhan yang dikeluarkan oleh semua peserta. Pertaruhan inilah yang akan dijadikan ganjaran bagi sesiapa yang memenangi sesuatu pertandingan.
- b) Setiap yang menyertai pertandingan tidak akan terlepas daripada dua kebarangkalian (risiko) iaitu sama ada mendapat keuntungan ataupun kerugian (*immā an yaghnam aw yaghram*). Seseorang itu akan mendapat keuntungan apabila ia memenangi sesuatu pertandingan kerana ia akan mengaut semua pertaruhan peserta-peserta lain. Manakala jika kalah, ia akan menanggung kerugian kerana kehilangan wang pertaruhan yang dikeluarkan.

Di dalam menghuraikan dua syarat di atas, dapat diperhatikan bahawa para fuqaha tidak membezakan antara pertandingan yang melibatkan kemahiran ataupun yang hanya bergantung kepada nasib semata-mata. Tiada juga perbezaan di antara pertandingan yang melibatkan pertaruhan yang banyak ataupun sedikit. Di dalam semua keadaan, apabila dua ciri di atas dipenuhi, maka ia akan dikira sebagai perjudian yang diharamkan.

Perlu diberi perhatian bahawa di zaman sekarang, pertaruhan dikutip melalui cara yang kadang-kadang tidak disedari oleh para peserta pertandingan. Antaranya ialah dengan menggunakan istilah-istilah lain selain seperti “wang penyertaan”, “yuran

pertandingan” dan sebagainya. Atau kadangkala ianya dikutip secara tidak langsung, misalnya melalui bayaran panggilan telefon yang dikenakan bagi peserta yang berminat untuk menyertai sesuatu pertandingan. Di dalam semua keadaan di atas, jika pada hakikatnya hadiah yang disediakan adalah dari sumber yang dikeluarkan oleh peserta, maka ianya adalah dikira sebagai suatu perjudian.

Sebagaimana yang disebut di dalam ayat di atas, di antara hikmah pengharaman perjudian ialah kerana ianya boleh menimbulkan perseteruan dan kebencian di antara manusia. Ianya juga akan menjadikan manusia cuai dari mengingati Allah SWT dan mengabaikan tanggungjawabnya sesama manusia. Di dalam sesetengah keadaan, banyak harta mereka yang berjudi akan hilang di dalam perjudian di samping ianya juga akan menimbulkan ketagihan dan tekanan perasaan.⁹ Perjudian juga akan menjadikan seseorang memasang angan-angan kosong yang akan melalaikannya daripada berusaha bersungguh-sungguh mengikut sunnah Allah SWT untuk mencapai kejayaan. Hakikatnya, di dalam perjudian, hanya segelintir kecil sahaja yang memperolehi “keuntungan”, manakala sebahagian besarnya akan sentiasa berada di dalam kerugian dan kehilangan harta di dalam pertaruhan. Manakala pihak yang sudah pasti mendapat keuntungan adalah penganjur. Keuntungan yang berasaskan kepada sumber yang haram bolehlah diistilahkan sebagai memakan harta orang lain secara batil.¹⁰

2. Hukum Asal Pertandingan

Secara asasnya, para fuqaha bersepakat bahawa hukum asal pertandingan adalah harus.¹¹ Ini adalah berasaskan kepada firman Allah SWT:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ ثُرْهُبُونَ بِهِ عَدُوُّ اللَّهِ وَعَدُوُّكُمْ

Maksudnya: “Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka dengan kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuhmu ...”¹²

Al-Māwardī menjelaskan bahawa arahan menyediakan kekuatan untuk berperang tidak akan sempurna melainkan dengan adanya latihan dan pertandingan.¹³ Oleh itu, latihan dan pertandingan merupakan sesuatu yang harus dan amat digalakkan.

Di dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman di dalam menceritakan kisah saudara-saudara Yūsuf ‘a.s.:

قَالُوا يَا أَبَانَا إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتِيقُ وَتَرَكْنَا يُوْسُفَ عِنْدَ مَتَاعِنَا فَأَكَلَهُ الذَّئْبُ

Maksudnya: "Mereka berkata: "Wahai ayah kami, sesungguhnya kami pergi berlumba-lumba dan kami tinggalkan Yusuf berdekatan dengan barang-barang kami lalu dia dimakan serigala."¹⁴

Di dalam menghuraikan makna "berlumba-lumba" di atas, ada yang mengatakan bahawa ianya adalah pertandingan memanah dan ada yang berpendapat bahawa ianya adalah lumba lari. Namun apa yang penting di sini, saudara-saudara Yusuf telah menceritakan perihal pertandingan yang berlaku antara mereka kepada seorang Nabi (ayah mereka) dan beliau tidak mengingkarinya, ini menunjukkan bahawa ianya adalah sesuatu yang harus di dalam syariat terdahulu dan seharusnya ianya terpakai di dalam syariat Nabi Muhammad memandangkan tiadanya nas yang membantalkannya (*nasakh*).¹⁵

Di antara hadith-hadith yang menunjukkan keharusan pertandingan adalah seperti berikut:

روي عن ابن عمر أنه قال: أجرى النبي صلى الله عليه وسلم ما ضمر من الخيل من الحفباء إلى ثنية الوداع ، وأجرى ما لم يضمر من الثنية إلى مسجد بني زريق

Maksudnya: "Diriwayatkan dari Ibn 'Umar bahawa beliau berkata: Nabi s.'a.w telah mempertandingkan antara kuda mudammarah¹⁷ daripada al-Hifyā' ke Thaniyyah al-Wadā' dan antara kuda yang bukan mudammarah dari al-Thaniyyah ke Masjid Banī Zurayq."¹⁸

Di dalam hadith yang lain, 'Ā'ishah menceritakan:

أهـا كـانـتـ معـ النـبـيـ صـلـىـ اللـهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ فـيـ سـفـرـ فـسـاقـتـهـ فـسـلـقـتـهـ عـلـىـ رـجـلـيـ ،ـ فـلـمـاـ جـلـتـ اللـحـمـ سـابـقـتـهـ فـسـبـقـنـيـ ،ـ فـقـالـ :ـ هـذـهـ بـتـلـكـ السـبـقـةـ

Maksudnya: "Semasa aku bersama Nabi s.'a.w di dalam satu perjalanan, aku telah berlumba dengan Rasulullah s.'a.w dan aku telah mengalahkannya, apabila aku menjadi semakin "berisi", aku telah berlumba (sekali lagi) dengan Rasulullah s.'a.w dan Baginda telah berjaya mengalahkanku, lalu Baginda bersabda: "(kemenangan) Ini adalah untuk (kekalahan) yang dahulu."¹⁹

Hadith-hadith di atas dengan jelas menunjukkan bahawa pertandingan adalah sesuatu yang harus. Ini adalah kerana Baginda sendiri yang terlibat di dalam perlumba dengan 'Ā'ishah dan Baginda juga menganjurkan perlumbaan kuda sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Ibn Qudāmah pula menyatakan bahawa para fuqaha telah bersepakat (*ijmā'*) bahawa pertandingan pada asasnya adalah sesuatu yang harus.²⁰

3. Jenis Pertandingan Yang Dibenarkan

Pertandingan boleh dibahagikan kepada dua kategori: Pertandingan tanpa hadiah dan pertandingan yang ditawarkan hadiah kepada pemenangnya. Bagi kategori pertama, ianya adalah harus tanpa perlu diikatkan dengan jenis pertandingan tertentu. Dengan kata lain, semua bentuk pertandingan sama ada yang melibatkan tenaga manusia seperti perlumbaan berjalan kaki, atau melibatkan haiwan atau bentuk-bentuk yang lain adalah harus²¹ apabila ianya tidak melanggar prinsip-prinsip syarak.

Bagi pertandingan yang melibatkan hadiah pula, para fuqaha mempunyai pendapat yang berbeza mengenai jenis pertandingan yang diharuskan. Kebanyakan fuqaha, antaranya, fuqaha Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī berpendapat bahawa pertandingan dengan hadiah hanya dibenarkan di dalam tiga jenis pertandingan sahaja iaitu pertandingan memanah, lawan kuda dan lawan unta.²² Manakala fuqaha Mazhab Ḥanafī pula menambah sejenis lagi pertandingan iaitu lumba lari.²³

Antara dalil yang diketengahkan adalah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.‘a bahawa Rasulullah s.‘a.w telah bersabda:

²⁴ لا سبق إلا في خف أو حافر أو نصل

Maksudnya: “Tiada hadiah melainkan (dalam pertandingan) lawan kuda atau lawan unta atau memanah.”

Hadith ini dengan jelas menyatakan bahawa pertandingan yang menawarkan hadiah tidak dibenarkan melainkan di dalam tiga jenis pertandingan yang tersebut di atas. Ibn Qudāmah menambah bahawa kemahiran di dalam ketiga-tiga bidang ini amat diperlukan di dalam penyediaan pasukan ketenteraan yang kuat. Oleh itu, segala bentuk usaha pengukuhan, antaranya melalui pertandingan, adalah harus dan digalakkan.²⁵

Di dalam menghuraikan hadith di atas, al-Hattab pula menyatakan bahawa permainan dan pertandingan adalah sesuatu yang melekakan. Oleh itu, seharusnya ianya tidak digalakkan melainkan di dalam tiga jenis pertandingan di atas disebabkan kepentingan dan peranannya yang besar di dalam jihad.²⁶

Sebuah lagi hadith yang menjadi asas kepada pandangan ini ialah sabda Rasulullah s.‘a.w:

كل ما يلهم به الرجل المسلم باطل إلا رميء بقوسه وتأديبه فرسه ولاعبته أهلة فإن من الحق

Maksudnya: “*Setiap yang melekakan lelaki muslim adalah batil (haram) melainkan panahannya dengan busarnya, latihannya ke atas kudanya dan permainannya dengan isterinya. Sesungguhnya itu semua adalah kebenaran (diharuskkan).*”²⁷

Al-Kāsānī menyatakan bahawa hadith ini menunjukkan bahawa hukum asal permainan adalah haram melainkan di dalam beberapa bentuk pertandingan yang diberikan pengecualian. Permainan antara suami isteri diharuskan kerana ianya membawa faedah di dalam mengukuhkan hubungan antara mereka.²⁸

Fuqaha Mazhab Hanafi menambah sejenis lagi permainan iaitu lumba lari dengan adanya hadith di atas yang menyatakan bahawa Rasulullah s.‘a.w pernah berlumba lari dengan ‘Ā’ishah r.‘a.²⁹

Bagi pertandingan yang lain seperti lawan pedang, lumba kapal perang, gusti dan lain-lain, terdapat pandangan yang berbeza di kalangan fuqaha mengenai hukumnya. Ada yang mengharuskannya dan ada yang tidak membenarkannya. Bagi yang mengharuskan berhujah bahawa ia menyumbang kepada pembentukan pasukan jihad yang kuat. Manakala bagi yang tidak membenarkannya pula berhujah sebaliknya.³⁰

Daripada perbincangan di atas dapat diperhatikan bahawa para fuqaha amat berhati-hati di dalam memberikan pendapat mengenai jenis pertandingan yang dibenarkan apabila ianya melibatkan hadiah kepada pemenang. Ini disebabkan terdapatnya dalil-dalil yang pada zahirnya menunjukkan bahawa hanya beberapa bentuk pertandingan tertentu sahaja dibenarkan di dalam Islam.

Namun, apabila dalil-dalil tersebut diteliti dan keadaan di zaman Rasulullah s.‘a.w diambil kira, bolehlah dinyatakan bahawa amat wajar kebenaran untuk menganjurkan pertandingan yang menawarkan hadiah dihadkan kepada beberapa jenis pertandingan tertentu sahaja. Ini adalah kerana tumpuan yang akan diberikan oleh masyarakat kepada pertandingan yang seumpama ini adalah tinggi. Jika terlalu banyak pertandingan dan kepelbagaiannya dibenarkan, masyarakat boleh menjadi leka, sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Hāttāb.³¹ Sedangkan keutamaan pada masa itu adalah jihad yang melibatkan kekuatan fizikal untuk mempertahankan negara. Oleh itu, hanya pertandingan tertentu yang boleh menyumbang kepada persiapan untuk berjihad secara fizikal dibenarkan, seperti pertandingan memanah, lumba kuda dan lumba unta.

Pemerhatian lain yang dapat dibuat di sini ialah terdapat hubung kait di antara larangan pertandingan dengan kelekaan. Ini dapat dilihat dari hadith Rasulullah di atas

yang dimulai dengan sabdanya yang bermaksud: "Setiap yang melekakan adalah batil melainkan...". Ini menunjukkan bahawa antara asas kepada larangan permainan dan pertandingan adalah untuk menjauhkan manusia dari sifat leka sehingga meninggalkan tugas-tugas lain yang lebih penting.

Namun apabila adanya faedah daripada sesuatu permainan dan pertandingan, ianya diharuskan. Di atas asas inilah sebilangan fuqaha membenarkan beberapa bentuk pertandingan selain yang tersebut di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah di atas, antaranya lumba lari. Pertandingan antara suami dan isteri serta permainan untuk melatih kuda juga telah dibenarkan oleh hadith Rasulullah s.'a.w yang lain. Ini secara amnya menunjukkan bahawa hadith yang membenarkan tiga bentuk pertandingan sahaja bukanlah bersifat "*al-hasr*" (menghadkan kepada bilangan tertentu sahaja). Jika ianya bersifat demikian, sudah tentu pertandingan dalam bentuk yang lain tidak dibenarkan sama sekali. Tiga pertandingan yang disebutkan di dalam hadith tersebut adalah untuk menggambarkan kepentingannya mengikut situasi semasa.

Oleh itu, apa yang dapat disimpulkan di sini ialah semua jenis permainan dan pertandingan, walaupun melibatkan hadiah, adalah harus dan dibenarkan apabila ianya memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Permainan dan pertandingan tidak menyalahi mana-mana prinsip syarak.
- ii. Permainan dan pertandingan itu boleh membawa kepada manfaat dan faedah tertentu yang digalakkan oleh syarak, misalnya untuk merapatkan hubungan persaudaraan di dalam masyarakat, keluarga dan sebagainya.
- iii. Permainan dan pertandingan itu tidak membawa kepada kelekaan. Maksudnya, ianya tidak menjadi penyebab kepada cuainya seseorang di dalam menjalankan tugas-tugas asasnya sebagai hamba Allah, pekerja, ketua keluarga dan lain-lain.
- iv. Permainan dan pertandingan itu tidak bertentangan dengan kepentingan dan keperluan situasi semasa sesebuah negara. Misalnya, di dalam situasi perperangan, pertandingan yang tidak menyumbang ke arah penyediaan pasukan tentera yang kuat bolehlah dilarang.

4. Pertandingan dan Hadiah

Dewasa ini pertandingan bukan sekadar untuk memenuhi masa lapang, bahkan kadangkala merupakan industri yang membawa keuntungan yang lumayan. Berbagai hadiah berharga juga ditawarkan. Hadiah ini pula ada yang ditaja dan kadangkala dikumpul dari yuran penyertaan peserta pertandingan itu sendiri. Persoalannya sekarang, adakah ini dibenarkan oleh syarak dan tidakkah ianya merupakan sejenis perjudian?

4.1 Hadiah Ditaja oleh Pihak Luar (Bukan Peserta Pertandingan)

Pihak luar yang dimaksudkan di sini ialah mereka yang tidak menyertai pertandingan. Pihak inilah yang mengeluarkan hadiah kepada pemenang di dalam sesuatu pertandingan. Mereka ini pula mungkin terdiri daripada pemerintah, organisasi ataupun orang perseorangan.

Secara amnya, para fuqaha berpendapat bahawa adalah harus bagi pemerintah menaja hadiah bagi sesuatu pertandingan, sama ada sumber hadiah tersebut dari baitul mal atau dari hartanya sendiri.³² Ini kerana terdapat maslahat bagi menggalakkan para peserta untuk lebih bersungguh-sungguh di dalam mempelajari beberapa aspek kemahiran di dalam pertandingan yang berkaitan dengan jihad.³³ Tambahan pula, tidak terdapat unsur perjudian di situ kerana hadiah tidak disumbangkan oleh peserta.

Adapun hadiah yang ditaja oleh pihak lain selain dari pemerintah dan peserta, kebanyakannya fuqaha berpendapat bahawa ianya juga adalah harus berdasarkan kepada alasan-alasan yang sama seperti di atas.³⁴ Namun, al-Māwardī³⁵ dan Ibn Qudāmah³⁶ menyatakan bahawa Imām Mālik berpendapat bahawa adalah tidak harus bagi mereka selain dari pemerintah menaja hadiah bagi sesuatu pertandingan. Ini adalah kerana pertandingan yang dibenarkan mempunyai pertalian yang amat kuat dengan penyediaan pasukan jihad yang menjadi tugas pemerintah dan bukannya pihak-pihak lain.

Pendapat dan alasan di atas telah ditolak oleh al-Māwardī dan Ibn Qudamah dengan hujah-hujah berikut.³⁷

Pertama, penajaan hadiah oleh pihak-pihak lain selain dari pemerintah menyumbang juga kepada matlamat penyediaan pasukan jihad yang kuat. Oleh itu, usaha ini sepatutnya dibenarkan.

Kedua, apa sahaja yang harus dibelanjakan oleh pemerintah dari sumber baitul mal untuk kepentingan umum, maka harus juga digalakkan (dan bukannya dihalang) penglibatan dan sumbangan bukan pemerintah untuk tujuan yang sama dari sumber mereka sendiri. Misalnya, di dalam projek pembinaan masjid dan sebagainya

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa para fuqaha bersepakat mengenai hukum penajaan hadiah oleh pemerintah iaitu harus. Terdapat sedikit perbezaan pendapat berlaku antara Imām Mālik dan para fuqaha lain mengenai hadiah yang ditaja oleh pihak luar selain dari pemerintah. Apabila diteliti pendapat Imām Mālik yang tidak membenarkan perkara ini, hujah yang diberikan masih lagi berdasarkan kepada pertalian yang wujud antara pertandingan dan penyediaan pasukan jihad yang mana ianya adalah menjadi tugas pemerintah. Namun daripada perbincangan terdahulu, telah dijelaskan bahawa jenis pertandingan yang dibenarkan

bukan sahaja yang dapat menyumbang kepada penyediaan pasukan jihad, tetapi juga dari jenis-jenis yang lain dengan syarat-syarat tertentu. Oleh itu, alasan Imām Mālik di sini adalah tidak tepat apabila skop kebenaran yang lebih meluas telah diberikan. Tambahan pula, jawapan yang diberikan oleh al-Māwardī dan Ibn Qudamah adalah kuat. Akhirnya, dapat disimpulkan bahawa penajaan hadiah adalah harus sama ada ianya dari pemerintah atau dari pihak-pihak lain selain dari peserta.

4.2 Hadiah Ditaja oleh Peserta Pertandingan

Terdapat dua keadaan yang berbeza di dalam menghuraikan masalah ini. Pertama, hadiah tersebut ditaja oleh salah seorang atau sebahagian peserta. Kedua, hadiah ditaja oleh semua peserta.

4.2.1 Hadiah Ditaja oleh Salah Seorang Atau Sebahagian Peserta

Apabila terdapat dua peserta di dalam sesuatu pertandingan, salah seorang dari mereka menaja hadiah dan menyatakan bahawa jika yang seorang lagi memenangi pertandingan, maka dia boleh memiliki hadiah tersebut. Di dalam keadaan ini, peserta yang seorang lagi itu tidak mengeluarkan apa-apa belanja di dalam penajaan hadiah. Dalam perkara ini, para fuqaha mempunyai pandangan yang berbeza sebagaimana berikut:

Fuqaha Mazhab Ḥanafī,³⁸ Ḥanbalī³⁹ dan Shāfi‘ī⁴⁰ berpendapat perkara ini adalah dibenarkan. Ini adalah kerana tiadanya unsur-unsur perjudian kerana peserta yang tidak mengeluarkan apa-apa belanja tersebut, sama ada seorang atau lebih, dianggap sebagai *muḥallil*.⁴¹ Di dalam perjudian, setiap peserta memperjudikan nasibnya yang tidak sunyi dari dua kemungkinan iaitu sama ada untung atau rugi. Di dalam hal ini, hanya peserta yang juga penaja yang akan menanggung risiko ini. Manakala peserta yang tidak mengeluarkan belanja akan mendapat ganjaran apabila menang dan tiada kerugian yang akan ditanggung jika kalah.

Mereka juga berhujah bahawa apabila tajaan hadiah dibenarkan kepada pemerintah, adalah lebih baik ianya juga dibenarkan kepada peserta untuk mengeluarkan tajaan dari hartanya sendiri. Ini adalah kerana peserta itu sendiri yang akan mendapat faedah dari pertandingan (umpamanya dengan berlatih bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kemahiran) berbanding dengan pemerintah yang hanya mengeluarkan hadiah kepada pihak lain.⁴² Semua pihak seharusnya digalakkan untuk membuat kebaikan yang seumpama ini dan tidak seharusnya ianya dihadkan kepada pemerintah sahaja.

Secara amnya, para fuqaha Mazhab Mālikī bersepakat dengan pandangan di atas yang mengharuskan penajaan hadiah oleh salah seorang atau sebahagian peserta pertandingan. Namun, jika penaja sendiri yang memenangi pertandingan tersebut, ia

tidak boleh memiliki hadiah tersebut. Jika pertandingan adalah antara dua peserta sahaja, hadiah tersebut hendaklah disedekahkan kepada mereka yang menyaksikan pertandingan dan jika pertandingan itu melibatkan ramai peserta, hadiah tersebut hendaklah diberikan kepada pemenang yang berikutnya yang tidak terlibat di dalam penajaan hadiah.⁴³ Ini adalah disebabkan wujudnya unsur perjudian kepada penaja jika ia sendiri boleh memiliki hadiah tersebut di mana penaja memperjudikan nasibnya antara dua keadaan, sama ada memenangi pertandingan dan seterusnya mengaut keuntungan ataupun kalah dan menanggung kerugian.

Apabila diteliti dua pendapat di atas, dapat disimpulkan bahawa pendapat sebahagian besar fuqaha adalah lebih kuat berdasarkan kepada hujah-hujah mereka. Wujudnya peserta yang tidak menaja hadiah telah menjadikan pertandingan secara keseluruhannya bersih dari unsur-unsur perjudian. Namun, syarat yang dikemukakan oleh fuqaha Mazhab Mālikī hendaklah diberi perhatian yang serius. Ini adalah untuk membersihkan pemenang yang juga penaja dari elemen perjudian. Di dalam hal ini, adalah dicadangkan agar hadiah yang ditaja adalah berbentuk “pusingan”, di mana pemenang bukanlah memiliki hadiah tersebut, sebaliknya “menyimpan” sahaja sehingga pertandingan yang seumpamanya dianjurkan pada masa yang lain.

Perlu diingat bahawa perbincangan di atas adalah lebih tertumpu kepada penajaan hadiah oleh sebahagian peserta, manakala separuh atau sebahagian besar peserta yang lain tidak mengeluarkan sebarang tajaan. Misalnya satu daripada dua peserta atau empat daripada sepuluh peserta yang mengeluarkan hadiah.

4.2.2 Hadiah Ditaja Oleh Semua Peserta

Apa yang dimaksudkan di sini ialah semua peserta menjadi penaja kepada hadiah di dalam sesuatu pertandingan. Hadiah tersebut pula hanya akan dimiliki oleh pemenang pertandingan. Tajaan itu pula mungkin berlaku secara langsung atau tidak langsung. Contoh bagi tajaan secara langsung ialah setiap peserta mengeluarkan belanja untuk menyediakan hadiah. Manakala misal bagi tajaan secara tidak langsung ialah setiap peserta membayar “yuran penyertaan” untuk menyertai pertandingan. Sebahagian dari wang ini digunakan oleh penganjur untuk penyediaan hadiah dan sebahagian lagi untuk belanja pengurusan dan lain-lain.

Fuqaha Mazhab Hanafī,⁴⁴ Shāfi‘ī,⁴⁵ kebanyaknya Ḥanbali⁴⁶ dan sebahagian Mālikī⁴⁷ berpendapat bahawa pertandingan yang seumpama ini adalah tidak dibenarkan melainkan dengan adanya *muḥallil* di kalangan peserta. Al-Māwardī menegaskan bahawa kewujudan seorang *muḥallil* di kalangan seratus orang peserta adalah memadai untuk mengeluarkan elemen perjudian daripada sesuatu pertandingan. Dengan kata lain, banyaknya bilangan peserta pertandingan tidak memerlukan bilangan *muḥallil* yang ramai.⁴⁸

Antara dalil yang dikemukakan adalah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah bahawa Rasulullah s.‘a.w telah bersabda:

من أدخل فرسا بين فرسين وهو لا يؤمن أن يسبق ، فليس بقمار ، ومن أدخل فرسا
بين فرسين وقد أمن أن يسبق فهو قمار

Maksudnya: “*Sesiapa yang memasukkan seekor kuda di antara dua ekor kuda (yang bertanding) dan tiada jaminan bahawa dia akan menang (di dalam pertandingan tersebut), maka ianya tidak dianggap perjudian, dan sesiapa yang memasukkan seekor kuda di antara dua ekor kuda (yang bertanding) dan adalah terjamin bahawa dia akan memenangi (pertandingan tersebut), maka ini adalah suatu perjudian.*”⁴⁹

Ibn Qudāmah menjelaskan bahawa apabila *muḥallil* tidak mempunyai kekuatan yang setanding dengan peserta-peserta lain (yang menaja hadiah), maka adalah terjamin bahawa pertandingan tersebut akan dimenangi oleh salah seorang penaja hadiah. Keadaan ini akan menimbulkan unsur-unsur perjudian kerana para penaja hadiah tidak akan sunyi daripada memperjudikan nasib mereka di antara dua keadaan sahaja iaitu sama ada menang atau kalah.⁵⁰ Dengan kata lain apabila *muḥallil* mempunyai kekuatan yang seimbang, jaminan untuk para penaja hadiah untuk menang sudah tiada.

Di dalam hadith yang lain Ibn ‘Umar meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَابَقَ بَيْنَ الْخَيْلِ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا سِيقًا ، وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا مَحْلًا

Maksudnya: “*Rasulullah s.‘a.w telah bertanding di dalam pertandingan (lawan) kuda dan mengadakan hadiah di antara dua peserta (bagi pemenang) dan juga mengadakan *muḥallil* di antara keduanya.*”⁵¹

Dua hadith di atas dengan jelas menyatakan bahawa pertandingan yang melibatkan penajaan hadiah oleh para peserta adalah tidak dibenarkan melainkan dengan adanya *muḥallil*.

Dari segi logiknya pula, pertandingan yang melibatkan penajaan hadiah oleh para peserta adalah diharamkan kerana terdapatnya unsur-unsur perjudian, tetapi apabila adanya *muḥallil* yang mempunyai kekuatan yang setanding dengan para peserta penaja hadiah, unsur-unsur perjudian telah terhapus kerana hadiah tersebut mungkin akan dimenangi oleh *muḥallil* dan bukannya peserta yang lain.⁵²

Sebahagian fuqaha yang membenarkan penajaan hadiah oleh para peserta dengan adanya *muḥallil* mensyaratkan bahawa jika pertandingan tersebut dimenangi oleh *muḥallil*, maka ia akan memiliki semua pertaruhan tersebut, tetapi apabila ianya

dimenangi oleh penaja hadiah, maka ia berhak ke atas bahagian yang dikeluarkannya sahaja.⁵³

Kebanyakan fuqaha Mazhab Mālikī pula berpendapat bahawa penajaan hadiah oleh semua peserta adalah tidak dibenarkan walaupun dengan adanya *muḥallil*.⁵⁴ Pandangan ini adalah berasaskan kepada dalil umum pengharaman judi, antaranya melalui firman Allah SWT di dalam ayat ke sembilan, surah *al-Mā'idah* sebagaimana yang tersebut di atas. Mereka juga berhujah dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ūd bahawa Rasulullah s.'a.w telah bersabda:

الخيَلُ ثَلَاثَةٌ ، فَفَرْسٌ لِّرَحْمَنِ وَفَرْسٌ لِّإِنْسَانٍ وَفَرْسٌ لِّشَيْطَانٍ ... وَأَمَا فَرْسُ الشَّيْطَانِ فَالَّذِي يُقَامُرُ أَوْ يُرَاهِنُ عَلَيْهِ

Maksudnya: “Kuda (ada) tiga (jenis), kuda kepada al-Rahmān, kuda kepada manusia dan kuda kepada syaitan ... adapun kuda kepada syaitan adalah (yang digunakan) untuk perjudian dan pertaruhan.”⁵⁵

Rasulullah juga telah bersabda:

مَنْ حَلَفَ فَقَالَ فِي حَلْفِهِ بِاللَّاتِ وَالْعَزِيزِ فَلِيَقُلْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَمَنْ قَالَ لِصَاحِبِهِ تَعَالَى أَقْمَرْكَ فَلِيَتَصَدِّقْ

Maksudnya: “Sesiapa yang bersumpah dan berkata dalam sumpahnya: Demi al-Lāt dan al-‘Uzzā, maka hendaklah dia berkata: Tiada tuhan melainkan Allah, dan barangsiapa yang berkata kepada sahabatnya: Marilah, aku ingin bertaruh (berjudi) denganmu, hendaklah dia mengeluarkan sedekah (sebagai kifarat).”⁵⁶

Kedua-dua hadith di atas menunjukkan dengan jelas bahawa pertaruhan dan perjudian adalah diharamkan. Jika ianya dibenarkan dengan adanya *muḥallil*, sudah tentu diterangkan oleh Rasulullah s.'a.w.

Manakala sebahagian fuqaha yang lain pula berpendapat bahawa penajaan hadiah oleh semua peserta adalah dibenarkan walaupun tanpa *muḥallil*. Pendapat ini didukung oleh Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim dan lain-lain.⁵⁷

Antara hujah yang dikemukakan adalah kisah yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allah bin al-Hārith:

صَارَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبَا رَكَانَةَ فِي الْجَاهْلِيَّةِ وَكَانَ شَدِيدًا فَقَالَ شَاةً بِشَاءَ فَصَرَعَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ...

Maksudnya: "Sesungguhnya Nabi s.'a.w telah berlawan dengannya Abū Rukānah semasa di zaman jahiliah dan ianya adalah (pertandingan) yang sengit, maka Nabi pun bersabda: Kambing dengan kambing. Maka Nabi s.'a.w telah mengalahkannya ..."⁵⁸

Hadith di atas menunjukkan bahawa kambing yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak telah dijadikan hadiah di dalam pertandingan antara Rasulullah s.'a.w dengan Rukānah. Ini menunjukkan bahawa ianya adalah harus.

Mereka juga mengemukakan hujah bahawa secara umumnya, hukum pertaruhan adalah harus. Anas r.'a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.'a.w pernah "bertaruh" di atas seekor kuda.⁵⁹ Di dalam hadith yang lain, 'Imrān bin Huṣayn meriwayatkan:

⁶⁰ لا جلب ولا جنَب ، زاد يحيى في حديثه: في الرهان

Maksudnya: "Tiadanya (*ditegah*) *jalab*⁶¹ dan *tiada janab*.⁶² Yahya (*perawi*) menambah di dalam hadithnya: *di dalam pertaruhan*."

Di dalam hadith di atas, Rasulullah s.'a.w telah melarang dua unsur di dalam pertaruhan dan bukannya amalan pertaruhan itu sendiri.

Di dalam kisah yang lain, al-Tirmidī meriwayatkan bahawa kaum Quraysh telah mencabar Abū Bakr r.'a untuk bertaruh (*rihān*) di atas kebenaran firman Allah bahawa Rom akan menewaskan Farsi di dalam masa beberapa tahun yang akan datang.⁶³ Cabaran ini telah diterima oleh Abū Bakr.⁶⁴ Ini menunjukkan bahawa *rihān* adalah dibenarkan.

Tambahan pula, mengikut pendapat mereka, tidak ada dalil yang khusus yang mewajibkan kewujudan *muhallil*. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Anas r.'a bahawa Rasulullah s.'a.w telah bertaruh di atas seekor kuda.⁶⁵

Daripada perbincangan di atas, dapat diperhatikan bahawa kebanyakan fuqaha berpendapat bahawa pertandingan yang melibatkan penajaan hadiah oleh semua peserta tidak dibenarkan melainkan dengan adanya *muhallil*. Namun, ada sesetengah fuqaha, antaranya Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim yang membenarkan perkara ini walaupun tanpa adanya *muhallil*. Manakala sebahagian fuqaha yang lain, antaranya sebahagian fuqaha Mālikiyah pula berpendapat bahawa ianya tidak dibenarkan walaupun dengan adanya *muhallil*.

Apabila diteliti hujah mereka yang membenarkan perkara ini secara mutlak tanpa perlunya ada *muhallil*, mereka berpegang kepada kisah pertaruhan yang diamalkan oleh Rasulullah s.'a.w dengan Rukānah dan juga kisah pertaruhan Abū Bakr r.'a dengan kaum Quraysh. Namun, hujah ini adalah lemah kerana perawi bagi kisah pertaruhan yang berlaku antara Rasulullah s.'a.w dengan Rukānah telah menyatakan

dengan jelas bahawa ianya berlaku di zaman jahiliah. Walaupun ianya berulang sebanyak tiga kali, bolehlah diandaikan bahawa ianya masih lagi di tahun-tahun awal Islam.

Manakala di dalam kisah pertaruhan Abū Bakr pula, perawi kisah ini sendiri, iaitu Niyar bin al-Mukarram al-Aslāmī menyatakan bahawa ianya berlaku sebelum diharamkan pertaruhan.⁶⁶ Ibn al-Qayyim cuba mempertahankan dalil ini dengan menyatakan bahawa kisah kemenangan Rom telah berlaku pada tahun termeterinya perjanjian Hudaybiyyah dan ini menunjukkan bahawa ianya bukanlah di awal Islam.⁶⁷ Namun hujah ini boleh dipatahkan dengan menyatakan bahawa yang diambil kira adalah masa berlakunya pertaruhan iaitu sebelum ianya diharamkan dan bukannya masa pertaruhan tersebut perlu dilaksanakan iaitu semasa Rom benar-benar mencapai kejayaan beberapa tahun kemudian. Di dalam hal ini, walaupun pembayaran pertaruhan diteruskan, ianya adalah berasaskan kepada akad dan perjanjian yang berlaku sebelum ianya diharamkan. Keadaan ini bolehlah disifatkan sebagai darurat untuk mengelakkan orang Islam daripada dituduh sebagai memungkiri dan mengkhianati janji.

Manakala hadith-hadith lain yang secara umumnya membenarkan pertaruhan tanpa menyebut keperluan wujudnya *muhallil* tidaklah boleh dijadikan asas yang kuat kepada pendapat ini. Ini adalah kerana terdapat banyak hadith lain yang dipegang oleh kebanyakan fuqahā' yang menyebut mengenai keperluan ini. Kesemua hadith ini bolehlah dianggap sebagai hadith-hadith khas kepada makna umum hadith-hadith yang dipegang oleh Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim.

Apabila dilihat kepada dalil-dalil yang dipegang oleh mereka yang tidak membenarkan penajaan hadiah oleh semua peserta walaupun dengan adanya *muhallil*, ianya juga tidak sunyi daripada kelemahan. Hadith Ibn Mas'ud mengenai tiga jenis kuda adalah lemah kerana salah seorang perawi di dalam sanadnya iaitu Sharak bin 'Abd Allāh al-Nakha'i dianggap sebagai seorang yang lemah ingatannya.⁶⁸ Manakala dalil umum mengenai tegahan perjudian, antaranya melalui ayat ke sembilan, surah al-Mā'idah dan juga hadith mengenai tuntutan bersedekah bagi sesiapa yang mengajak sahabatnya bertaruh tidak menafikan hadith-hadith khas mengenai harusnya pertaruhan dengan adanya *muhallil* diamalkan serentak. Dengan kata lain, boleh disebut bahawa pertaruhan adalah haram dengan adanya dalil-dalil am tersebut melainkan apabila adanya *muhallil* sebagaimana yang diterangkan oleh hadith-hadith khas yang menjadi pegangan kebanyakan fuqaha.

Manakala hadith-hadith yang dipegang oleh kebanyakan fuqaha mengenai harusnya pertaruhan dengan adanya *muhallil* juga sebenarnya tidak sunyi daripada kritikan. Hadith Abū Hurayrah mengenai harusnya pertandingan apabila dimasukkan seekor kuda yang mempunyai kekuatan yang seimbang di antara dua ekor kuda yang

bertanding adalah lemah kerana di dalam sanadnya terdapat riwayat Sufyān bin Husayn daripada al-Zuhrī.⁶⁹ Manakala hadith yang seumpamanya yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar juga lemah kerana di dalam sanadnya terdapat Sālim bin ‘Umar yang disifatkan sebagai seorang yang mempunyai daya ingatan yang lemah (*sū’ al-hifz*).⁷⁰

Namun dalil akal yang diberikan dan hubungkaitnya dengan konsep perjudian sebagaimana yang diterangkan di atas adalah agak kuat. Dengan ini, pendapat kebanyakan fuqaha, secara amnya, adalah lebih sesuai untuk diamalkan. Namun, pendapat ini harus diperincikan lagi agar sesuai dengan tujuan pertandingan dan hikmah penajaan hadiah itu dibenarkan di dalam Islam.

Apa yang dapat diperhatikan daripada perbincangan di atas, konsep penajaan hadiah dibenarkan untuk memberi galakan agar ramai peserta tertarik untuk menyertai pertandingan dan seterusnya lebih ramai yang akan memperolehi faedah dan manfaat dari pertandingan yang dianjurkan. Penajaan hadiah di sini bolehlah diibaratkan sebagai sedekah dan ‘*amal sālih* yang dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut. Oleh itu penajaan hadiah dibenarkan apabila ianya datang dari pemerintah atau pihak lain yang tidak menyertai pertandingan kerana tiadanya unsur-unsur perjudian di dalam pertandingan yang seumpama ini.

Peluang untuk membuat kebaikan ini juga seharusnya dibuka kepada peserta-peserta pertandingan itu sendiri. Namun di dalam hal ini, elemen perjudian iaitu adanya risiko mengaut keuntungan atau mengalami kerugian akan ada kerāna penaja sendiri terlibat di dalam pertandingan. Perkara inilah yang seharusnya diteliti. Untuk menghindarkan elemen perjudian di dalam pertandingan, dicadangkan perkara-perkara berikut:

- i. Adanya pihak yang tidak mengeluarkan tajaan bersama-sama mengambil bahagian di dalam sesuatu pertandingan. Peserta inilah yang diistilahkan oleh kebanyakan ulama sebagai *muḥallil*. Sebagaimana yang digariskan oleh para fuqaha, *muḥallil* ini hendaklah mempunyai kekuatan yang seimbang dengan peserta-peserta yang lain.⁷¹
- ii. Apabila *muḥallil* menang, maka dia berhak untuk mengambil semua hadiah yang dikeluarkan oleh peserta-peserta yang lain. Ini adalah kerāna elemen perjudian tidak ada pada dirinya. Risikonya di sini hanyalah antara kemampuannya untuk menang dan mengaut keuntungan, ataupun beliau kalah dan tidak menanggung apa-apa kerugian (kerāna dia bukanlah penaja hadiah).
- iii. Apabila penaja hadiah yang menang, maka pendapat sebahagian fuqaha Mazhab Mālikī yang menyatakan bahawa dia tidak berhak untuk mengambil hadiah tersebut⁷² adalah lebih baik untuk dilaksanakan bagi membersihkan

dirinya dari unsur-unsur perjudian. Di dalam hal ini, risikonya hanyalah di antara menanggung “kerugian” (yang pada hakikatnya adalah sedekah) akibat kekalahan atau tidak mendapat apa-apa apabila mencapai kemenangan. Risiko sebegini sudah tentu tidak dianggap sebagai perjudian.

- iv. Jika pihak penaja yang menang masih berhajat untuk mendapatkan hadiah tersebut, adalah dicadangkan agar ianya dijadikan sesuatu yang berbentuk “pusingan”. Di dalam hal ini, dia bukanlah memiliki hadiah tersebut, sebaliknya hanyalah menyimpan bagi tempoh tertentu sebelum dipulangkan kembali kepada pengajur pertandingan. Ini boleh dilakukan jika pertandingan itu sendiri diadakan secara berkala dan berulang.
- v. Jika semua syarat-syarat di atas khasnya syarat ke tiga dipenuhi, maka pendapat al-Māwardī yang mengharuskan penyediaan seorang sahaja *muḥallil* di kalangan seratus orang peserta penaja hadiah bolehlah dilaksanakan. Faedahnya di sini adalah mungkin untuk memberi galakan kepada ramai peserta untuk meningkatkan kemahiran bagi menentang seorang jaguh (*muḥallil*) yang handal atau mungkin untuk menarik minat jaguh tersebut agar mengambil bahagian. Jika syarat yang ke tiga khususnya tidak dipenuhi, kewujudan *muḥallil* tersebut hanyalah sebagai helah untuk menghalalkan perjudian yang diharamkan. Jika ini dibenarkan, maka pengeluaran beberapa nombor secara percuma kepada beberapa individu (yang dianggap sebagai *muḥallil*) akan menjadikan keseluruhan perjudian loteri halal. Helah yang seumpama ini adalah haram sebagaimana diharamkan *muḥallil* di dalam bab perkahwinan selepas perceraian dengan talak tiga. Ianya juga perlu diharamkan berasaskan kaedah *sadd al-dharā'i*.
- vi. Perlunya ada ketulusan di dalam pengajuran pertandingan. Sumber hadiahnya perlulah jelas dan hadiah itu sendiri perlulah dimaklumi bentuknya atau diketahui spesifikasinya.⁷³

Penutup

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa para fuqaha bersepakat bahawa pertandingan yang tidak melibatkan hadiah adalah dibenarkan. Namun, mereka mempunyai pandangan yang berbeza terhadap pertandingan yang melibatkan hadiah. Apabila semua pandangan tersebut diteliti dan dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa secara amnya, hukum asal pertandingan adalah haram kecuali bagi beberapa jenis pertandingan yang diberikan pengecualian, yang secara ringkasnya adalah pertandingan yang dapat membawa faedah dan manfaat yang diakui di sisi syarak. Apabila kebenaran ini diasaskan kepada pengecualian, maka ianya tidaklah

boleh dibuka seluas-luasnya, bahkan hanyalah sekadar yang diperlukan sahaja. Oleh itu syarat-syarat pertandingan yang dibenarkan sebagaimana yang disebut di dalam kajian ini hendaklah diberi perhatian yang serius.

Apabila pertandingan dikaitkan dengan hadiah, maka persoalan utama di dalam mengkaji status hukumnya adalah berkait rapat dengan konsep perjudian. Sebagaimana yang dibincangkan, perjudian mempunyai dua asas utama iaitu hadiah yang diambil dari pertaruhan yang dikeluarkan oleh semua peserta dan setiap peserta yang terlibat tidak akan terlepas dari menanggung salah satu daripada dua kebarangkalian iaitu sama ada mendapat keuntungan ataupun kerugian.

Manakala konsep penajaan hadiah di dalam sesuatu pertandingan pula lebih bersifat sedekah dan sumbangan yang dikeluarkan untuk menggalakkan seramai mungkin peserta bertanding dan seterusnya mendapat manfaat yang diharapkan daripada pertandingan yang dianjurkan. Ianya tidaklah boleh dianggap sebagai suatu jalan untuk menggandakan wang tajaan atau mencari kekayaan. Di atas dasar ini, penajaan hadiah oleh pemerintah atau mereka yang tidak terbabit di dalam pertandingan itu sendiri adalah dibenarkan.

Tetapi apabila para penaja hadiah terdiri daripada peserta-peserta yang terlibat di dalam pertandingan itu sendiri, jika tidak berhati-hati, maka unsur-unsur perjudian akan timbul. Ini adalah kerana adanya risiko mengaut keuntungan atau menanggung kerugian daripada pertaruhan. Setelah diteliti pendapat para fuqaha di dalam hal ini, maka beberapa garis panduan telah dicadangkan untuk menghindarkan pertandingan seumpama ini daripada elemen-elemen perjudian.

Akhirnya, adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai konsep pertandingan dan hadiah di dalam Islam. Semoga ianya menjadi panduan kepada mereka yang ingin menganjurkan pertandingan dan bagi pertandingan yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas, ianya bolehlah diubahsuai agar lebih memenuhi kehendak syarak.

Nota Hujung

1. Lihat Ibn Manzūr (t.t), Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad, *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Šadir, 10/151
2. *Kamus Dewan*, h. 1366-1367.
3. Al-Qur’ān, 5: 90-91.
4. Qal‘ajī, Muḥammad Rawwās dan Ḥamīd Sādiq Qunaybī (1988), *Mu‘jam Lughah al-Fuqahā’*, Beirut: Dār al-Nafā’is, h. 369.
5. Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 5/115.
6. *Ibid*, 13/189.
7. Ibn Farīs, Abū Ḥasan Ahmad (1981), *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*, Cairo: Maktabah al-Khanjī, 5/26.
8. Lihat Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn (1993), *al-Baḥr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 7/91, 8/554; Ibn ‘Ābidin, Muḥammad Amin (1992), *Hāshiyah Radd al-Mukhtār*, Beirut: Dār al-Fikr, 5/257, 6/403; Ibn ‘Abd al-Barr, Abū ‘Umar bin Yūsuf bin ‘Abd Allāh (1387H), *al-Tamhīd*, Morocco: Wizārah ‘Umūm al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 13/12; al-Shīrazī, Abū Ishaq Ibrāhīm bin ‘Alī (t.t), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, Beirut: Dār al-Fikr, 2/325; al-Anṣārī, Zakariyyā bin Muḥammad bin Ahmad (1418H), *Fath al-Wahhāb*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2/340; al-Bahūtī, Manzūr bin Yūnus bin Idrīs (1982), *Kashshāf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘*, Beirut, Dār al-Fikr, 3/272.
9. Lihat al-Qurtubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ahmad (1939), *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān*, Cairo: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 6/291; al-Tabarī, Muḥammad bin Jārir (1951), *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Ay al-Qur’ān*, Cairo: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 2/358.
10. Lihat: <http://www.qaradawi.net/site/topics/>
11. Lihat al-Kāṣānī, ‘Alā’ al-Dīn Abū Bakr bin Mas‘ūd (t.t), *Baḍā‘i’ al-Sanā‘i’ fī Tartīb al-Sharā‘i’*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 6/206; Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān (1992), *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, Beirut: Dār al-Fikr, 5/390; al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad (1994), *al-Hāwi al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 15/180; Ibn Qudāmah, ‘Abd Allāh bin Ahmad (1984), *al-Mughnī*, Beirut, Dār al-Fikr, 11/128.
12. Al-Qur’ān, 8 : 60.
13. Al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/180.
14. Al-Qur’ān, 12 : 17.
15. Lihat al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/180.
16. Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl, “Sahīḥ al-Bukhārī”, dalam *Fath al-Bārī*, Ahmad bin ‘Alā bin Ḥajar al-‘Asqalānī (1989), Beirut: Dār al-Kutub al-

‘Ilmiyyah, 6/71; Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash‘ath (1973), *Sunan Abū Dāwūd*, Hims: Dar al-Hadith, 3/64.

17. Al-Khattābī menerangkan bahawa maksud “*tadmir*” adalah perbuatan memberi makan dan menjaga kuda sehingga berisi dan kuat, kemudian ditinggalkan sehingga menjadi kurus dan kehilangan lemak. Lihat al-Khattābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, 3/64.
18. Jarak antara al-Hifya’ dan Thaniyyah al-Wida’ adalah enam atau tujuh batu manakala jarak antara al-Thaniyyah dan Masjid Bani Zurayq adalah lebih kurang sebatu. Lihat Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/128.
19. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dawūd*, 3/65-66; Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Mājah*, (tanpa tempat: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 1/636.
20. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/128.
21. Lihat *Ibid.*
22. Lihat al-Hattāb, *Mawāhib al-Jalīl*, 3/390; al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/183, Ibn Qudāmah, *Ibid*, 11/129.
23. Al-Kāsānī, *al-Badā‘i’ al-Ṣanā‘i’*, 6/206.
24. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 3/63-64, al-Tirmidhī menyatakan bahawa hadith ini adalah “*hasan*”. Lihat al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muhammad bin ‘Isā (1962), *Sunan al-Tirmidhī*, Cairo: Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 4/205.
25. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/128-129.
26. Al-Hattāb, *Mawāhib al-Jalīl*, 3/390.
27. Al-Tirmidhī menyatakan bahawa hadith ini adalah “*Hasan sahīh*”, al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 4/174; Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 3/28-29.
28. Al-Kāsānī, *al-Badā‘i’ al-Ṣanā‘i’*, 6/206.
29. *Ibid.*
30. Lihat al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab*, 1/414.
31. Lihat al-Hattāb, *Mawāhib al-Jalīl*, 3/390.
32. Lihat al-Kāsānī, *al-Badā‘i’ al-Ṣanā‘i’*, 6/206; al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/189; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/131.
33. Ibn Qudāmah, *Ibid.*
34. Lihat al-Kāsānī, *al-Badā‘i’ al-Ṣanā‘i’*, 6/206; al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/189, Ibn Qudāmah, *Ibid.*
35. Al-Māwardī, *Ibid.*
36. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/131.
37. Al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/189; Ibn Qudāmah, *Ibid.*
38. Al-Kāsānī, *al-Badā‘i’ al-Ṣanā‘i’*, 6/206.
39. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/131.

40. Al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/198; al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab*, 1/414.
41. *Muḥallil* ialah pembuat kepada kata kerja *ḥallala* yang bermaksud menghalalkan. Dalam konteks perbincangan di dalam artikel ini, secara literalnya *muḥallil* ialah peserta yang dengan penyertaannya menukar hukum pertandingan daripada haram kepada halal.
42. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/131.
43. Al-Ḥaṭṭāb, *Mawāhib al-Jalīl*, 3/391.
44. Al-Kāsānī, *al-Badā'i' al-Ṣanā'i'*, 6/206; Ibn 'Ābidīn, *Hāshiyah Ibn 'Ābidīn*, 6/403.
45. Al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/192.
46. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/136.
47. Al-Mawwaq, Muḥammad bin Yūsuf bin Abī al-Qāsim (1002), *al-Tāj wa al-Iklīl li Mukhtaṣar al-Khalīl*, Beirut: Dār al-Fikr, 3/391.
48. Al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/197.
49. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* 3/66-67; Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 2/960.
50. Lihat al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/192; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/137.
51. Ibn Ḥibbān, Muḥammad (1993), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 10/543.
52. Lihat al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/192; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/137.
53. Lihat al-Muṭī'i, Muḥammad Najīb (t.t), *Takmilah al-Majmū'*, Jeddah: Maktabah al-Irshād, 14/141.
54. Al-Mawwaq, *al-Tāj wa al-Iklīl*, 3/391; al-Dūsūqī, Shams al-Dīn Muḥammad 'Arafah (t.t), *Hāshiyah al-Dūsūqī 'Alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Fikr, 2/45.
55. Ibn Hanbal, Ahmad (1993), *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1/494.
56. Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 11/536.
57. Lihat Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Ḥalīm (t.t), *Majmū' al-Fatāwā*, Rabat: Maktabah al-Ma'ārif, 28/22.
58. Nabi s.a.w telah mengalahkannya sebanyak tiga kali dan akhirnya memulangkan kambing kepadanya. Lihat Ibn al-Rashīd, Mu'ammar (1403H), *al-Jāmi'*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 11/427.
59. Al-Dārimī, 'Abd Allāh bin 'Abd al-Rahmān Abū Muḥammad (t.t), *Sunan al-Dārimī*, t.tp: Dār Iḥyā' al-Sunnah al-Nabawiyyah, 2/212.
60. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 3/67-68.
61. Al-Khaṭṭābī menyatakan bahawa "jalab" ialah perbuatan meninggikan suara supaya kuda berlari dengan lebih laju. Al-Khaṭṭābī, *Ma'ālim al-Sunan*, 3/68.
62. "Janab" pula ialah perbuatan menukar kuda setelah kuda yang ditunggang dalam sesuatu pertandingan keletihan. Al-Khaṭṭābī, *Ma'ālim al-Sunan*, 3/68.

63. Lihat al-Qur'ān, 30 : 2.
64. Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 5/344-345.
65. Al-Dārimī, *Sunan al-Dārimī*, 2/212; Ibn Ḥanbal, *al-Musnad*, 3/160.
66. Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 5/344-345.
67. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Abū ‘Abd Allāh (t.t), *al-Furūsiyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 20.
68. Lihat al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthmān (1990), *Siyar A'lām al-Nubala'*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 8/202,216.
69. Ahli hadith menyatakan bahawa sanad ini adalah lemah. Lihat *Ibid*, 7/302.
70. Lihat *Ibid.*, 7/181.
71. Lihat al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/192.
72. Al-Mawwaq, *al-Tāj wa al-Iklīl*, 3/391.
73. Lihat al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 15/192; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 11/132.